

MANIFESTASI PENDIDIKAN SIVIK DALAM KALANGAN ALUMNI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA

MOHD. MAHADEE ISMAIL & MANSOR MOHD NOOR

ABSTRAK

Statistik bancian penduduk 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia memaparkan kumpulan remaja sekitar umur 15 hingga 24 tahun merupakan kumpulan terbesar di Malaysia. Kumpulan tersebut bukan sahaja menjadi modal insan negara, malah mereka adalah teras pembangunan negara dan tunjang bangsa pada masa hadapan. Keadaan ini menjadi pemangkin betapa pentingnya golongan remaja ini dibangunkan secara holistik dari segenap aspek jasmani mahupun rohani. Tambahan pula, dalam arus perkembangan negara yang amat pesat membangun dan fenomena dunia tanpa sempadan kini, golongan remaja terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran domestik dan pada masa yang sama turut terdedah kepada ancaman global. Malah apa yang lebih membimbangkan lagi ialah kumpulan remaja kini banyak terdedah kepada pelbagai masalah berkaitan dengan gejala sosial dan aktiviti yang tidak bermoral. Sehubungan dengan itu, tumpuan, pengembangan dan pembangunan kumpulan ini adalah amat penting bagi menjamin kesinambungan kelestarian negara pada masa hadapan. Pihak kerajaan yang menyedari perkara ini telah mengenal pasti keperluan untuk membangunkan potensi golongan remaja telah merangka dan melaksanakan pelbagai bentuk polisi dan program dengan matlamat untuk melibatkan golongan remaja dalam pembangunan negara. Antaranya, pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilihat sebagai satu mekanisme untuk menangani permasalahan remaja, memantapkan jati diri mereka dan seterusnya mengikat kesetiaan remaja kepada negara. Kumpulan remaja yang menjalani latihan PLKN seharusnya mampu mendepani apa jua cabaran mendatang dengan minda yang lebih terbuka, sikap yang profesional dan tindakan yang rasional. Sejauh manakah PLKN mampu mendidik dan membina jati diri golongan remaja menjadi tanda-tanya pelbagai pihak. Oleh itu, bagi mendapatkan kepastian kepada persoalan tersebut, satu kajian telah dilaksanakan ke atas alumni PLKN. Kajian telah mengambil sampel dari kalangan mahasiswa Universiti Putra Malaysia yang telah menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan sebagai perbandingan, kajian juga telah mengambil sampel remaja yang tidak menyertai PLKN. Satu elemen penting yang telah diberikan perhatian dalam menilai dan mengukur keberkesanan PLKN adalah dari segi pendidikan sivik. Ini kerana, dari perspektif umum PLKN itu dilihat sebagai sebahagian daripada pendekatan pendidikan sivik. Atau dengan kata lain, adakah PLKN itu adalah satu program pendidikan sivik? Oleh yang demikian, sejauh manakah elemen pendidikan sivik telah dipupuk dan diterapkan dalam diri remaja melalui PLKN akan cuba dirungkaikan dalam artikel ini.

Keywords: Pendidikan Sivik, Negara-Bangsa, Demokrasi, Remaja, PLKN

ABSTRACT

According to 2010 Census of Population statistics released by Department of Statistics Malaysia, the largest youth group in Malaysia is around the age of 15 to 24 years old. This group is the nation's human capital that becomes a core to the development of the country in the future. This theory indicates the importance of nurturing youngsters as a whole; physically and spiritually. However, with recent local and world scenarios, teenagers are threatening by the domestic as well as global intimidations. They are widely exposed to the social problems and immoral activities. Therefore, it is crucial to carefully foster this group to ensure a better future of the country. The government that realized the significance of this issue has identified the elements that could improvise the potential of this group. They have designed and employed various types of policies and programs that will promote youngsters' involvement that can support the growth of the country. Among others, the implementation of National Service Training Program (PLKN) is seen as the mechanism to control the adolescent problems, to strengthen their self-esteem as well as to bind their loyalty to the country. Individual that experienced National Service should have had the capability to confront any difficulties with more open-minded, professionally and rationally. To what extent PLKN is able to cultivate and develop youth's self-esteem has become a questioned to various parties. Consequently, to find the meticulous solution for that matter, a study was conducted on PLKN alumni. A study sample was taken from undergraduate students of University of Putra Malaysia that experienced PLKN and as a comparison; the study was also done on teenagers that did not join the program. A vital element that was brought into attention to justify and measure the effectiveness of the training is the aspect of civic education. This happens because; general perspective believes that National Service Training Program is a part of civic education approaches. On the other words, is PLKN denotes the civic education program? Hence, to what extent the element of civic education has been nurtured in teenagers from PLKN will be discussed in this article.

Keywords: *Civic Education, Nation-States, Democracy, Teenagers, National Service*

PENGENALAN

Remaja di Malaysia telah mendapat pendedahan kepada pendidikan sivik sejak di bangku sekolah lagi. Ini kerana sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah menerapkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dalam usaha memperkembangkan potensi individu secara holistik dan bersepadu dengan memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik. Subjek ini telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras bagi semua pelajar tahap dua (tahun empat hingga tahun enam) peringkat sekolah rendah dan bermula dari tingkatan satu bagi

sekolah menengah. Terdapat tiga elemen utama yang membentuk sukatan pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merangkumi pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik. Sukatan pelajaran yang baharu ini mula dilaksanakan pada tahun 2005. Sebelum ini ia lebih dikenali sebagai Pendidikan Tatarakyat, Pendidikan Kewarganegaraan, Sivik Rendah Baru dan Sivik Menengah Baru. Mata pelajaran ini telah mula diajar di sekolah-sekolah sejak tahun 1954 melalui cadangan Laporan Pelajaran Tahunan 1952 (Robiah & Zahara, 1992). Apa yang jelas pendidikan sivik di Malaysia telah diajar di sekolah semenjak negara masih belum mencapai kemerdekaan lagi. Usaha awal tersebut telah dilaksanakan oleh pihak British dengan tujuan untuk mewujudkan hubungan dan interaksi sosial yang baik dalam kalangan pelajar dari pelbagai kumpulan etnik (Robiah & Zahara, 1992). Dari situ kita dapat lihat bahawa matlamat asas pengenalan pendidikan sivik di negara ini adalah untuk mencapai perpaduan yang menyeluruh di kalangan masyarakatnya yang bersifat multietnik serta ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang unggul.

Tahun demi tahun sukatan pelajaran pendidikan sivik telah dikaji, dikemaskini dan diperbaharui supaya bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan semasa. Ini dapat dilihat dengan perkembangan Dasar Pendidikan Kebangsaan di mana mata pelajaran pendidikan sivik telah diwajibkan di sekolah-sekolah. Melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) pula terdapat tiga aspek utama yang telah diberi perhatian tentang pendidikan sivik. Aspek pertama di mana pendekatan pendidikan sivik telah diperluas bukan sahaja sebagai satu mata pelajaran tersendiri malah elemen-elemen sivik telah diterapkan ke dalam mata pelajaran lain yang bersesuaian seperti sejarah, pendidikan Islam, pendidikan moral, Bahasa Malaysia, geografi dan sebagainya. Perkembangan seterusnya dapat dilihat di mana pada peringkat menengah atas iaitu di tingkatan enam, pelajar diwajibkan untuk lulus mata pelajaran Pengajian Am yang membincangkan aspek kenegaraan Malaysia. Manakala pada peringkat institut pengajian tinggi pula pelajar perlu mengambil kursus-kursus teras seperti Kenegaraan Malaysia, Pengajian Malaysia dan Hubungan Etnik. Aspek kedua ialah menggalakkan kegiatan dan aktiviti sivik di luar bilik darjah seperti aktiviti ko-kurikulum, aktiviti yang berbentuk perkhidmatan dan pembangunan masyarakat (Robiah & Zahara, 1992). Dalam konteks ini para pelajar telah digalakkan mengambil bahagian dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan, badan beruniform dan aktiviti berpersatuan. Aktiviti sedemikian bukan sahaja dapat merangsangkan minda pelajar, mengajar erti kepimpinan, menambah pengetahuan dan pengalaman diri, malah dapat meningkatkan interaksi sosial antara satu sama lain. Aspek ketiga ialah menerapkan pendidikan sivik dalam kursus-kursus latihan pra-perkhidmatan dan kursus dalam perkhidmatan (Robiah & Zahara, 1992). Pendekatan ini diambil bagi menunjukkan bahawa pendidikan sivik di Malaysia amat dipentingkan, perlu sentiasa disuburkan dan dimantapkan dari masa ke semasa. Maka tidak hairanlah mengapa elemen pendidikan sivik turut diterapkan dalam kursus-kursus perkhidmatan kerajaan seperti kursus induksi, kursus kenaikan pangkat dan sebagainya.

Sekiranya diteliti secara lebih halus, pendidikan sivik adalah bersamaan atau terangkum di bawah aspek literasi politik atau pendidikan politik. Sepertimana yang dijelaskan oleh Thomas (2005), pendidikan sivik, pendidikan politik atau literasi politik adalah suatu pendekatan yang mempunyai tujuan dan matlamat yang sama. Ketiga-tiga pendekatan memfokuskan kepada pendedahan, pengetahuan dan pemahaman seseorang warganegara terhadap perkara-perkara yang melibatkan hal-hwal politik, pentadbiran dan kerajaan. Dalam konteks ini, pihak pemerintah perlu memainkan peranan dalam mendidik rakyat supaya memahami konsep-konsep asas seperti konsep negara, kerajaan, parti politik, institusi politik, sistem persekutuan, demokrasi, keadilan dan pelbagai lagi. Di dunia barat, penekanan terhadap pelbagai bentuk program dan pendekatan pendidikan sivik adalah seiring dengan proses pendemokrasian yang berlaku dalam negara itu. Dengan kata lain, pendidikan sivik itu adalah suatu mekanisme untuk mengajar erti dan selok-belok demokrasi. Menurut Quigley (1999) dan Finkel (2002), di Amerika Syarikat dan kebanyakan negara di Barat Eropah yakin bahawa pendidikan sivik merupakan satu usaha untuk mempelajari dan memantapkan demokrasi serta mengukuhkan masyarakat sivil. Akan tetapi, di Malaysia kita masih belum mencapai ke tahap itu, walaupun negara kita sedang menuju ke arah destinasi yang sama.

Di negara kita, antara matlamat utama pelaksanaan pendidikan sivik adalah untuk memupuk kesedaran yang tinggi tentang peranan, hak dan tanggungjawab yang seharusnya dimainkan oleh setiap warganegara dalam masyarakat dan negara. Bagi mencapai matlamat tersebut, empat prinsip utama pendidikan telah diberi penekanan di peringkat sekolah merangkumi; (i) belajar untuk mengetahui; (ii) belajar untuk bertindak; (iii) belajar untuk hidup bersama; dan (iv) belajar untuk membentuk peribadi (Kementerian Pelajaran Malaysia). Keempat-empat prinsip yang ditekankan tersebut lebih kepada pembentukan diri seseorang individu yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi. Pendekatan yang diambil ini amat bersesuaian memandangkan antara perkara yang menjadi keutamaan bagi pendekatan pendidikan sivik ialah pembentukan sikap politik, tingkahlaku sivik dan pengetahuan tentang masyarakat (Torney, Oppenheim & Farnen, 1975).

Konsep Pendidikan Sivik

Konsep pendidikan sivik membawa konotasi yang cukup luas dan telah ditakrifkan daripada pelbagai sudut dan pandangan oleh para sarjana, penyelidik bebas mahupun organisasi tertentu. Sejak dari awal konsep ini diketengahkan, pelbagai tafsiran telah diberikan yang membawa kepada pengaplikasian yang berbeza-beza berdasarkan kepada kepentingan sesebuah warganegara dalam sesuatu masa yang tertentu. Menurut Torney, Oppenheim dan Farnen (1975), apabila ditinjau kembali sejak zaman Plato dan Aristotle, pandangan tradisional tentang konsep pendidikan sivik lebih kepada latihan kewarganegaraan. Kemudian perkembangan seterusnya sekitar awal tahun 1930-an, Charles Merriam telah menggunakan konsep ini untuk mengkaji kewarganegaraan secara lebih spesifik dalam konteks perkembangan kesetiaan politik dan patriotisme (Torney, Oppenheim & Farnen, 1975). Pendekatan yang diketengahkan oleh Merriam telah dikembangkan oleh sarjana terkemudian

seperti Janowitz (1983) yang terus memberikan penekanan bahawa pendidikan sivik itu bertujuan untuk meningkatkan kesetiaan dan semangat patriotisme melalui kesedaran sivik yang tinggi. Selepas era 1990-an, sarjana-sarjana yang lebih terkemudian terus mengembangkan lagi konsep pendidikan sivik dengan mengaitkannya kepada perkembangan demokrasi iaitu pendidikan demokrasi dan kewarganegaraan demokratik (Diamond, 1995; Carothers, 1997; Quigley, 1999; Print, 1999; Bratton et al. 1999; Finkel, Sabatini & Bevis, 2000; Finkel, 2002; Brahm, 2006). Di sini kita dapat lihat berkembangnya konsep pendidikan sivik yang disesuaikan dengan tuntutan dan perubahan zaman. Pada peringkat yang paling awal, aspek kewarganegaraan yang diutamakan, kemudian aspek kesetiaan dan patriotisme mendapat perhatian, seterusnya aspek demokrasi yang diketengahkan. Walaupun perkembangan terkini memaparkan pendidikan sivik dikaitkan khusus kepada pendidikan demokrasi, elemen kewarganegaraan, kesetiaan dan patriotisme tidak dipinggirkan malah menjadi antara unsur utama kepada konsep terkini pendidikan sivik.

Dalam konteks penggunaannya, pendidikan sivik turut dikenali sebagai pendidikan kewarganegaraan dan pendidikan demokrasi (Brahm, 2006); pendidikan politik, pendidikan moral, literasi politik, indoktrinasi politik dan pendidikan nasionalis (Thomas, 2005). Konsep tersebut telah digunakan secara silih-berganti dalam bidang pendidikan bagi menjelaskan pendekatan atau usaha dalam menyemai semangat patriotik dan menerapkan ciri-ciri penting demokrasi (Brahm, 2006: 3). Dari segi takrifan pula, konsep asas pendidikan sivik memberikan penekanan terhadap aspek pembelajaran mengenai tanggungjawab dan hak seseorang rakyat; sistem perundangan dan kedaulatan undang-undang; kerajaan dan institusi-institusi yang berkaitan; sejarah dan perlembagaan; identiti nasional; hak kemanusiaan, politik, ekonomi dan sosial; prinsip dan proses demokrasi; rakyat yang aktif dalam isu-isu sivik; perspektif antarabangsa; dan nilai-nilai demokratik (Print, 1999; Barone, 2002). Menurut Safell (1996) pula, sivik ialah pembelajaran tentang kewarganegaraan dan kerajaan. Perkataan sivik itu sendiri berasal dari perkataan Latin yang membawa makna 'warganegara' (Safell, 1996). Ini bermakna konsep sivik amat berkait rapat dengan konsep negara, bangsa, kewarganegaraan dan negara-bangsa (Tor, 2009). Dari sudut ini, kita boleh katakan bahawa pembelajaran tentang sivik itu adalah pembelajaran tentang bagaimana seseorang itu perlu memainkan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai seorang warganegara. Sepertimana yang ditegaskan oleh Cogan (2000: 1), pendidikan kewarganegaraan...

“...has typically been an important goal in courses of study in history and civics in most nations and has, for the most part, focused upon developing knowledge of how government and other institutions in any given state work, of the rights and duties of citizens with respect to the state and to the society as a whole and has been oriented largely towards the development of a sense of national identity”.

Janowitz (1983: 12) telah memberikan satu definisi yang substantif tentang pendidikan sivik merangkumi tiga aspek perkara berikut; (i) mengajar pelajar tentang pusat dan tradisi politik sesebuah bangsa; (ii) mendedahkan pengetahuan penting tentang organisasi dan operasi kontemporari institusi kerajaan; serta (iii) membentuk identifikasi atau pengenalan diri dan sentimen moral yang diperlukan sebagai seorang warganegara yang efektif. Menurut Antal dan Easton (2009), pendidikan sivik sama ada melalui sekolah atau di luar sekolah, akan membawa kesan praktikal terhadap pembelajaran dan peningkatan prestasi untuk menjadi seorang warganegara yang lebih bertanggungjawab. Oleh itu, melalui pendidikan sivik, kanak-kanak boleh mempersiapkan diri mereka dengan hak-hak dan tanggungjawab seorang warganegara yang baik (Gutmann, 1995). Dalam konteks masyarakat demokratik, pendidikan sivik boleh menjadikan seseorang individu lebih bertanggungjawab dengan menyertai secara aktif dalam tadbir urus mereka sendiri, dan bukan hanya pasif bersetuju dengan keputusan atau tuntutan orang lain (Pathmanathan & Haas, 1994; Barone, 2002; Branson & Quigley, 1998). Oleh itu, Branson dan Quigley (1998) meletakkan pendidikan sivik sebagai “education in self-government”. Janowitz (1983) turut menegaskan bahawa pendidikan sivik yang efektif akan meningkatkan pemahaman dan identifikasi diri sebagai sebuah bangsa akan lebih bermakna. Dalam pada itu, Tor (2009: 34) menekankan bahawa,

“civic mission of education for most if not all nation-states in the world is to consider and plan ways in which its people, especially young people are prepared to undertake their roles as citizens, as part of the agenda for nation-building”.

Pendidikan sivik menyediakan satu kerangka yang positif bagi pembentukan identiti sivik kolektif. Sepertimana yang ditekankan oleh Parker (2007), pendidikan sivik di sekolah mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan pembentukan negara-bangsa, di mana setiap individu terikat kepada platform nasional. Selain itu, pendidikan sivik akan mengukuhkan kesedaran sivik (Janowitz, 1983) dan memupuk kesetiaan pada negara (Brahm, 2006) yang memungkinkan identiti sivik kolektif terbentuk. Bagi Pettersson (2003) dan Etzioni (2011), setiap warganegara perlu didorong dengan kesedaran sivik yang tinggi di mana mereka akan lebih komited kepada institusi politik dan undang-undang negara. Dalam pada itu, pembentukan identiti sivik kolektif dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Claes, Hooghe dan Stolle (2009), menjelaskan bahawa pendidikan sivik adalah alat untuk menggalakkan integrasi sosial dan untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial. Di samping itu, menurut Levine dan Bishai (2010), teori dan amalan pendidikan sivik dapat merangsang perhatian kepada kepentingan kemahiran, pengetahuan sivik dan amalan dalam bentuk sokongan pembangunan perdamaian dalam masyarakat. Ia boleh menjadi faktor yang menstabilkan masyarakat yang berkonflik (Levine & Bishai, 2010). Sepertimana yang turut ditekankan oleh Barone (2002), pendidikan sivik melibatkan perbincangan tentang isu-isu masyarakat dan memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah serta tindakan masyarakat. Keadaan ini dapat membuka ruang interaksi sosial yang lebih luas dalam masyarakat yang boleh membawa kepada tindakan kolektif.

Selain daripada itu, pendidikan sivik boleh dianggap sebagai “conscious social reproduction” (Guttman, 1987; Ichilov, 2003; Pettersson, 2003) untuk memelihara tradisi, meningkatkan kecekapan serta mengekalkan kestabilan dalam bidang sosial, ekonomi dan politik melalui pembentukan generasi baru yang berpengetahuan (Tor, 2009). Dalam usaha pembentukan generasi baru, pendekatan ini menegaskan bahawa ciri-ciri sivik atau karakter sivik perlu dipupuk pada usia awal remaja atau “young-mature individual’s life” (Tor, 2009). Bertepatan dengan pesanan orang tua-tua, ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Ungkapan tersebut cukup sinonim dengan pendekatan dalam memberikan pendidikan terhadap kanak-kanak mahupun remaja khususnya tentang perkara asas mengenai erti kehidupan di dunia ini. Oleh sebab itu sekolah atau mana-mana peringkat institut pengajian adalah medium terbaik dalam menerapkan unsur-unsur sivik dan perkara-perkara yang difikirkan perlu oleh masyarakat. Pandangan konservatif tentang pendidikan sivik menekankan bahawa nilai-nilai asas dan norma-norma masyarakat diajar dan diterapkan oleh sekolah kepada pelajar untuk meningkatkan tingkah laku sivil dan membolehkan mereka untuk mengetepikan kepentingan diri sendiri demi kepentingan bersama (Barone, 2002). Keadaan ini sekali gus dapat mengekalkan masyarakat sivil dan membina modal sosial melalui penggalakkan tanggungjawab kolektif dalam kalangan rakyat (Barone, 2002).

Jelas bahawa konsep pendidikan sivik memfokuskan kepada tindakan mendidik setiap warganegara dengan ilmu berkaitan politik, pentadbiran dan kerajaan. Pendekatan ini dapat membentuk orientasi sivik seseorang warganegara seperti kesetiaan mereka, sifat sivik mereka, toleransi mereka, pembangunan politik pada diri mereka, penyertaan politik mereka dan tingkah-laku sivik mereka (Pettersson, 2003) di samping nilai-nilai demokratik yang menjadi teras kepada pembangunan politik masa kini. Usaha ini perlu dilakukan pada setiap individu seawal usia kanak-kanak lagi dan perlu ada kesinambungan pendidikan yang berterusan sehinggalah seseorang individu itu matang dalam segenap aspek kehidupan terutamanya kematangan dalam menunaikan tanggungjawab mereka terhadap negara.

Sehubungan dengan itu, bagi tujuan kajian ini terdapat tiga komponen utama yang ditekankan dalam pendidikan sivik telah dijadikan ukuran asas iaitu pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik (perwatakan sivik) (Branson, 1998; Branson & Quigley, 1998; Barone, 2002; Tor 2009). Secara spesifiknya, apa yang diukur ialah output atau impak ketiga-tiga dimensi tersebut pada diri setiap responden samada yang telah menjalani PLKN atau sebaliknya.

Pengetahuan Sivik

Komponen pertama yang menjadi fokus pendidikan sivik ialah untuk meningkatkan pengetahuan sivik (Branson & Quigley, 1998). Pengetahuan sivik ini melibatkan beberapa perkara asas yang perlu diketahui dan difahami oleh setiap warganegara, terutamanya pengetahuan berkaitan dengan hal-ehwal politik, pentadbiran dan kerajaan seperti hal-ehwal kewarganegaraan, masyarakat sivil, hak asasi

manusia, perkara yang melibatkan undang-undang (Brahm, 2006), prinsip dan amalan demokrasi, serta nilai-nilai demokratik (Galston, 2001). Sepertimana yang ditekankan oleh Finkel (2002), antara perkara yang diberi tumpuan dalam pengetahuan sivik dan nilai sivik ialah hak dan kewajipan seseorang dalam sebuah negara demokrasi, kepentingan penglibatan dalam masyarakat, dan demokrasi dalam keluarga itu sendiri. Oleh itu, "civic knowledge can be defined as cognition of politically and civically relevant facts especially cognition of the rights and responsibilities that come with the legal status as a citizen" (Tor, 2009: 51). Menurut Branson (1998), Michael Delli Carpini dan Scott Keeter yang melihat pengetahuan sivik itu sebagai pengetahuan politik telah mendefinisikannya sebagai pelbagai maklumat yang bersifat fakta berkenaan politik yang disimpan dalam ingatan jangka panjang. Ini bermakna bahawa pengetahuan sivik amat penting dalam menyediakan perspektif yang jelas bagi seluruh warganegara untuk mengambil bahagian dalam masyarakat, khususnya dalam konteks sosio-politik. Pengetahuan sivik dapat membantu setiap warganegara untuk memahami hak mereka sebagai individu dan sebagai ahli masyarakat (Brahm, 2006), mereka boleh hidup dan menyesuaikan diri dengan pelbagai isu, masalah dan cabaran dalam masyarakat mereka (Tor, 2009), serta menjadikan mereka berfikiran lebih terbuka dan lebih berminat melibatkan diri dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan awam (Galston, 2001). Berdasarkan kepada perkembangan ini, golongan remaja dapat memahami bagaimana sesebuah sistem sosio-politik itu berfungsi dan mengetahui hak dan tanggungjawab mereka (Tor, 2009).

Bagi Galston (2004), pendidikan sivik mempunyai dan membawa impak yang cukup besar ke atas peningkatan pengetahuan sivik. Ini terbukti melalui kajian yang telah dijalankan oleh beberapa sarjana terkemuka seperti Hart, Donnelly, Youniss dan Atkins (2007), Torney-Purta dan Wilkenfeld (2009), dan Hahn (2010). Mereka mendapati bahawa pelajar yang mendapat pendidikan sivik mempunyai tahap pengetahuan sivik yang lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tidak mendapat pendedahan tentang pendidikan sivik. Dalam pada itu, menurut Branson (1998), kajian yang dijalankan oleh Carpini dan Keeter telah membuktikan bahawa individu yang lebih bermaklumat adalah lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam politik, dapat memahami dan membezakan kepentingan diri dengan kepentingan awam dengan lebih baik, malah lebih berupaya untuk meletakkan kepentingan diri dalam dunia politik. Selain itu, individu yang lebih bermaklumat juga adalah lebih cenderung untuk mempunyai pandangan dalaman yang konsisten dan stabil dari masa ke semasa serta lebih terarah untuk menghubungkan pandangan mereka dengan penyertaan politik, dan dengan cara yang rasional (Branson, 1998). Branson (1998) turut menambah bahawa individu atau rakyat yang lebih bermaklumat adalah lebih cenderung untuk menunjukkan ciri-ciri kewarganegaraan yang baik, seperti mempunyai tahap toleransi politik yang tinggi dan sebagainya. Pendek kata, tahap yang paling asas untuk menjadi seorang warganegara yang baik ialah mereka perlu mempunyai tahap pengetahuan sivik atau pengetahuan politik yang lebih baik, lebih konsisten dan holistik.

Pengetahuan sivik yang baik akan membuka minda serta pandangan seseorang individu seterusnya boleh menyemarakkan semangat penglibatan dalam urusan awam. Menurut Galston (2004), pengetahuan sivik akan menggalakkan penghayatan kepada nilai-nilai teras demokrasi, menggalakkan penyertaan dalam hal ehwal awam dan politik, membantu seseorang untuk memahami kepentingan mereka sebagai individu dan sebagai ahli kumpulan, membantu rakyat mengetahui lebih lanjut tentang hal ehwal sivik, mengurangkan ketidakpercayaan dan ketakutan kehidupan awam, dan boleh mengubah pendapat seseorang mengenai isu-isu sivik tertentu. Tidak hairanlah mengapa fungsi utama pengetahuan sivik ialah sebagai asas untuk menterjemahkan kemahiran intelektual sivik atau mempengaruhi kecenderungan sivik (Tor, 2009) dalam membantu warganegara untuk mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam kehidupan sivik.

Sehubungan dengan itu, bagi tujuan penyelidikan ini beberapa sub-dimensi pengetahuan sivik telah diggunakan untuk mengukur tahap dan pola pengetahuan sivik golongan remaja samada yang telah menjalani PLKN mahupun sebaliknya. Asasnya, dimensi pengetahuan sivik ini diaplikasi dan diubahsuai daripada kajian Tor (2009) yang telah membangunkan Inventori Pengetahuan Sivik Rakyat Malaysia. Berdasarkan kepada inventori tersebut, Tor (2009) telah menguji lapan dimensi utama iaitu pengetahuan tentang hubungan serantau dan antarabangsa, identiti nasional, sejarah nasional, kemahiran sivik kognitif, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pengetahuan tentang isu semasa, asas-asas demokrasi, asas proses politik yang merangkumi aspek kehakiman, kerajaan dan bagaimana untuk melibatkan diri dalam hal-ehwal awam. Dalam mengemas-kini setiap sub-dimensi yang dicadangkan oleh Tor (2009), pengkaji telah membuat penelitian lanjut dan berdasarkan kepada literatur yang telah dibuat, pengkaji telah mengena lpasti tujuh sub-dimensi berikut untuk mengukur tahap pengetahuan sivik golongan remaja di Malaysia. Antaranya ialah: (i) sejarah negara (Branson, 1998; Kirlin, 2003; Kidwell et al. 2008; Tor, 2009); (ii) kerajaan dan pentadbiran (Branson, 1998; Kirlin, 2003; Brahm, 2006; Kidwell et al. 2008; Tor, 2009); (iii) identiti nasional (Tor, 2009); (iv) perlembagaan persekutuan (Branson, 1998; Kirlin, 2003; Tor, 2009); (v) isu semasa (Branson, 1998; Kirlin, 2003; Kidwell et al. 2008; Tor, 2009); (vi) prinsip demokrasi (Branson, 1998; Galston, 2001; Finkel, 2002; Kirlin, 2003; Kidwell et al. 2008; Tor, 2009); dan (vii) hubungan antarabangsa (Branson, 1998; Tor, 2009).

Kemahiran Sivik

Komponen kedua yang ditekankan dalam pendidikan sivik ialah kemahiran sivik. Menurut Kirlin (2003), walaupun banyak sarjana yang merujuk kepada kemahiran sivik secara langsung mahupun tidak langsung, akan tetapi hanya segelintir sahaja dalam kalangan mereka yang menjelaskan apa sebenarnya dimaksudkan dengan kemahiran sivik. Dalam pada itu, Kirlin (2003) turut menegaskan bahawa tidak ramai sarjana yang menjalankan kajian empirikal khususnya untuk menentukan kewujudan atau impak kemahiran sivik. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai tujuan untuk menguji sejauh manakah aspek kemahiran sivik mempunyai impak tertentu pada diri remaja.

Secara asasnya, kemahiran ialah keupayaan, kecekapan atau kebolehan melakukan sesuatu, manakala kemahiran sivik pula merujuk kepada keupayaan, kecekapan atau kebolehan seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan awam. Kirlin (2003: 3) telah mendefinisikan kemahiran sivik sebagai “a set of skills which are required to effectively participate in civic and political life...”. Terdapat dua elemen utama yang menjadi fokus kemahiran sivik iaitu kemahiran intelektual dan kemahiran penglibatan atau penyertaan (Branson, 1998; Kirlin, 2003; Kidwell et al. 2008). Menurut Galston (2004), terdapat pelbagai jenis kemahiran asas yang diperlukan oleh rakyat bagi membolehkan mereka memainkan peranan dengan cekap dan berkesan, bermula pada peringkat kejrangan dan masyarakat. Oleh itu, dalam menunaikan hak dan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat, setiap individu bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan sivik yang baik, malah perlu mempunyai keupayaan dalam pemikiran dan kecekapan dalam penyertaan masyarakat (Branson, 1998). Hal ini melibatkan kemahiran individu untuk meletakkan diri mereka dalam masyarakat dan bertindak berasaskan kepada kepentingan bersama. Menurut Brahm (2006), kemahiran sivik akan membolehkan seseorang individu untuk mengadun dan menggabungkan pengetahuan mereka dalam menangani isu-isu awam, hal-ehwal politik dan kehidupan sivik. Di samping itu, kemahiran sivik juga menggalakkan individu untuk bekerja dalam kumpulan, menghormati pandangan orang lain dan mencapai persetujuan bersama dengan cara muafakat (Brahm, 2006). Pandangan Brahm ini disokong oleh Levine dan Bishai (2010) yang menyatakan bahawa kemahiran sivik melibatkan keterbukaan kepada perspektif lain dan keupayaan untuk bekerja dengan orang lain demi kebaikan bersama.

Pembangunan kemahiran sivik dalam diri seseorang amat penting ke arah pembentukan individu yang demokratik dan pembentukan masyarakat demokratik (Gutman, 1987). Hal ini kerana kemahiran sivik bukan sahaja dapat memupuk penyertaan politik seseorang individu, malah boleh menggalakkan penglibatan masyarakat dan seterusnya mendorong pembentukan keupayaan kolektif masyarakat bagi menegakkan keadilan (Gutman, 1987). Pandangan Gutman (1987) ini disokong oleh Branson (1998) yang melihat penyertaan dalam masyarakat atau politik ini penting bagi sesebuah warganegara demokratik dan beliau melabelkannya sebagai penglibatan sivik. Beliau juga turut mengklasifikasikan penglibatan sivik kepada tiga komponen utama iaitu interaksi, pemantauan dan pengaruh. Kemahiran interaksi adalah kemahiran untuk berkomunikasi dan bekerjasama dengan orang lain, membincangkan sesuatu persoalan dengan penuh kesopanan, mewujudkan permuafakatan dan mengurus konflik dengan cara yang adil dan aman (Branson, 1998). Pemantauan pula lebih kepada kemahiran rakyat untuk menjalankan pengawasan atau bertindak sebagai pemerhati bagaimana pengendalian sesuatu isu oleh pihak pemerintah dan proses politik (Branson, 1998). Manakala pengaruh pula adalah kemahiran atau keupayaan mempengaruhi proses politik, masyarakat dan pemerintahan (Branson, 1998). Sebaliknya, Rogers (2009) berpandangan bahawa kesukarelawanan, aktiviti pembelajaran perkhidmatan (*service learning*) dan penglibatan dalam komuniti dapat memupuk kemahiran sivik dan seterusnya

memberi inspirasi kepada penglibatan sivik. Dari perspektif yang lain pula, Comber (2005) melihat kemahiran sivik mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan kecekapan rakyat dan selalu dilihat sebagai komponen kecekapan. Antara dimensi yang cukup berkaitan dengan kecekapan ini ialah penglibatan dalam proses pembuatan keputusan (Comber, 2005).

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah merangka beberapa sub-dimensi berdasarkan kepada tinjauan literatur untuk mengukur kemahiran sivik remaja. Antara sub-dimensi tersebut ialah: (i) membuat penilaian (Kirlin, 2003; Kidwell et al. 2008); (ii) penyelesaian masalah (Branson, 1998; Finkel & Ernst, 2005); (iii) pembuatan keputusan (Kirlin, 2003; Comber, 2005; Brahm, 2006); (iv) bekerjasama dengan orang lain (Branson, 1998; Finkel & Ernst, 2005; Brahm, 2006; Kidwell et al. 2008; Levine & Bishai, 2010); (v) penyertaan dalam komuniti (Gutman, 1987; Branson, 1998; Rogers, 2009); (vi) kemahiran memimpin kumpulan (Finkel & Ernst, 2005); (vii) kesukarelawanan (Rogers, 2009); dan (viii) kemahiran mempengaruhi orang lain (Branson, 1998; Brahm, 2006).

Kecenderungan Sivik

Komponen ketiga yang diberikan penekanan dalam pendidikan sivik ialah kecenderungan sivik atau perwatakan sivik. Kecenderungan sivik melibatkan sifat (Branson, 1998), sikap, tingkahlaku dan nilai-nilai sivik (Rogers, 2009) yang mempunyai perkaitan amat rapat dengan konsep 'good citizen' (Tor, 2009). Kecenderungan sivik ini amat dipengaruhi oleh pengetahuan sivik seseorang. Ini bermakna bahawa seseorang individu yang mempunyai pengetahuan sivik yang baik akan lebih bersikap sivil. Dengan kecenderungan sivik yang terbina dalam diri seseorang juga akan membolehkan mereka untuk menilai dan menyeimbangi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan peribadi dengan kepentingan awam berdasarkan kepada pertimbangan yang bijaksana dan beretika (Tor, 2009). Oleh sebab itu kecenderungan sivik sukar untuk lahir secara semulajadi di mana ia perlu dipupuk dan didedahkan kepada setiap individu. Sebagaimana kemahiran sivik, kecenderungan sivik atau perwatakan sivik terbina dalam diri seseorang individu secara perlahan-lahan dalam satu jangkamasa yang agak panjang melalui apa yang dipelajari dan pengalaman yang dilalui di rumah, sekolah, komuniti dan organisasi (Branson, 1998). Dengan kata lain, kecenderungan sivik individu dicorakkan oleh pengalaman dalam kehidupan sehari-harian. Di sinilah kita dapat lihat betapa pentingnya proses sosialisasi politik dalam pembentukan watak dan perwatakan seseorang individu.

Bagi Branson dan Quigley (1998), kecenderungan sivik merujuk kepada sifat atau ciri-ciri individu atau masyarakat (watak individu dan awam) yang penting dalam mengekalkan dan mempertingkatkan kesedaran tentang demokrasi. Dalam menjelaskan perkara ini, karakter sebenar seseorang individu amat diutamakan khususnya dalam menjamin kejayaan demokrasi. Karakter tersebut bergantung kepada warganegara yang bersikap sivil merangkumi kesedaran dan disiplin diri,

tanggungjawab moral, rasa hormat yang tinggi kepada orang lain, menjaga maruah, kesopanan, semangat berpasukan, pemikiran kritikal, patuhi kedaulatan undang-undang, kesediaan untuk memberikan perhatian, pertimbangan dan bekerjasama dengan orang lain (Branson & Quigley, 1998). Tanpa karakter yang sedemikian, agak sukar bagi sesebuah masyarakat mengekalkan keharmonian dan menzahirkan pembentukan sebuah masyarakat sivil.

Pandangan Branson dan Quigley (1998) tersebut seiring dengan pandangan Tor (2009) yang melihat kecenderungan sivik mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan kehidupan sosial seseorang, perkongsian nilai, perasaan kebersamaan seperti rasa tanggungjawab kepada orang lain dan masyarakat secara keseluruhannya, untuk faedah bersama yang akan memberi inspirasi kepada individu dan kumpulan untuk bekerja demi kebaikan bersama. Sekiranya keadaan tersebut dapat dijelmakan dalam kehidupan realiti, ia dapat menjamin kesejahteraan dan kestabilan negara. Selain itu, Cunningham (2009) pula telah mengeluarkan kertas edaran tentang kecenderungan sivik di mana beliau berpandangan bahawa terdapat beberapa elemen utama yang boleh memupuk civility khususnya dalam menggalakkan pelajar untuk berinteraksi dengan orang lain. Elemen tersebut ialah semangat patriotik, pemikiran sivik, kritis dan terbuka, rundingan dan tolak-ansur, kesopanan, kasih-sayang, kegigihan, ketabahan dan keberanian, menghormati hak orang lain, menghormati undang-undang, kejujuran dan toleran (Cunningham, 2009).

Oleh itu, kajian ini menggunakan beberapa sub-dimensi tertentu bagi mengukur kecenderungan sivik golongan remaja di Malaysia merangkumi: (i) pemikiran sivik, kritis dan terbuka (Branson, 1998; Branson & Quigley, 1998; Rogers, 2009; Cunningham, 2009); (ii) persamaan hak dan kebebasan asasi (Branson, 1998; Rogers, 2009); (iii) kehidupan komuniti (Rogers, 2009); (iv) perkongsian nilai kenegaraan (Branson, 1998; Tor, 2009); (v) perasaan kebersamaan (Kidwell et al. 2008; Rogers, 2009; Tor, 2009); (vi) ketabahan, kegigihan dan keberanian (Cunningham, 2009); (vii) keprihatinan, kejujuran dan keikhlasan (Rogers, 2009; Cunningham, 2009); dan (viii) rundingan dan tolak-ansur (Branson, 1998; Rogers, 2009; Cunningham, 2009).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Asasnya, penyelidikan kuantitatif menjana statistik melalui pendekatan kajian tinjauan bersaiz sampel besar yang pada kebiasaannya menggunakan kaedah seperti penggunaan borang soal selidik atau temubual berstruktur. Kaedah penyelidikan kuantitatif ini memberi kesempatan kepada pengkaji untuk memahami secara mendalam sesuatu fenomena yang wujud dalam menjelaskan pola, tahap, perkaitan dan proses yang sedang berlangsung melalui pengumpulan data empirikal. Setelah membuat tinjauan literatur, teknik survey melalui penggunaan borang soal selidik didapati paling efektif sebagai instrumen utama pengumpulan data. Hair et al. (2010) menganggap sampel besar

(iaitu 200 atau lebih responden) sebagai salah satu sebab utama penggunaan pendekatan survey sesuai dijalankan. Di samping itu, ia dianggap efektif kerana cepat, murah, cekap, dan boleh diedarkan kepada sampel yang besar (McClland, 1994; Churchill, 1995; Sekaran, 2000; Zikmund, 2003).

Kajian ini mengambil sampel golongan remaja dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan UPM sebagai lokasi kajian adalah kerana UPM merupakan salah satu daripada Institut Pengajian Tinggi Awam yang mempunyai bilangan alumni PLKN yang ramai. Oleh itu, pemilihan UPM ini bertepatan dengan sasaran kajian yang memfokuskan kepada alumni PLKN. Bagi tujuan membuat perbandingan, maka golongan mahasiswa UPM ini telah dikategorikan kepada dua kelompok iaitu bekas pelatih PLKN (alumni) dan bukan pelatih PLKN. Kajian ini juga telah memfokuskan hanya kepada remaja Melayu dan Cina sahaja. Hal ini kerana berdasarkan kepada dapatan kajian lepas, kumpulan remaja Melayu dan remaja Cina berada dalam dua kelompok yang berbeza. Kumpulan remaja India, Siam, Orang Asli, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak berada dalam kelompok yang sama dengan kumpulan remaja Melayu di mana semangat patriotik dan perasaan kesetiaan telah wujud kepada negara berbanding dengan kumpulan remaja Cina yang lebih meletakkan semangat patriotik dan perasaan kesetiaan kepada kumpulan etnik mereka sendiri. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi kajian ini hanya memfokuskan kepada dua kumpulan remaja yang mempunyai perasaan kecintaan kepada negara yang berbeza.

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah seramai 431 orang mahasiswa UPM. Daripada 431 orang mahasiswa ini, seramai 207 mahasiswa yang telah mengikuti PLKN manakala seramai 224 orang mahasiswa tidak mengikuti PLKN. Dari segi komposisi kumpulan etnik, seramai 241 orang adalah dari kumpulan etnik Melayu dan 190 orang dari kumpulan etnik Cina. Seramai 115 orang mahasiswa Melayu yang telah mengikuti PLKN dan selebihnya 126 orang tidak mengikuti PLKN. Di samping itu, seramai 92 orang mahasiswa Cina yang telah mengikut PLKN dan 98 orang lagi tidak mengikuti PLKN.

Teknik analisis data yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan statistik deskriptif. Penganalisisan data berdasarkan statistik deskriptif yang dijalankan amat sesuai bagi memperihalkan data berkaitan dengan pola dan tahap pendidikan sivik remaja. Dapatan kajian yang menggunakan analisis ini diperihalkan dengan menggunakan peratusan sahaja. Melalui kadar peratusan tersebut, pengkaji dapat membandingkan dan membezakan tahap pendidikan sivik remaja samada yang telah mengikuti PLKN atau tidak, dan pada masa yang sama juga dapat melihat perbezaan di antara tahap pendidikan sivik responden Melayu dan Cina.

Perkembangan Pendidikan Sivik Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia

Usaha pembangunan pendidikan sivik dalam kalangan remaja di Malaysia menunjukkan satu perkembangan yang cukup positif. Hal ini kerana pendidikan sivik telah diserapkan menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan formal di

Malaysia. Kurikulum dan elemen pendidikan sivik telah diberikan penekanan dalam pendidikan rendah, menengah, menengah atas dan peringkat universiti. Di sini wujud kesinambungan dan penerusan dalam usaha untuk memupuk elemen civility pada diri setiap remaja Malaysia. Komitmen dalam menerapkan civility dalam diri remaja terbukti dengan pengajaran matapelajaran Pendidikan Sivik dan Kawarganegaraan sejak di bangku sekolah rendah lagi, dan pada masa yang sama elemen civility turut diterapkan melalui pelbagai mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sejarah, Pengajian Tempatan, Pengajian Am, Pengajian Malaysia, Hubungan Etnik dan sebagainya. Dengan pendekatan tersebut elemen civility sentiasa disuburkan dalam diri setiap individu khususnya bagi mereka yang mendapat pendidikan yang sempurna dan berterusan. Sehubungan dengan itu, secara empirikalnya, kajian ini akan memaparkan implikasi (dalam bentuk tahap dan pola) terhadap usaha pembangunan pendidikan sivik yang telah dilaksanakan di Malaysia sekian lama.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada Jadual 1, lebih 80 peratus responden mempunyai tahap pendidikan sivik yang tinggi. Spesifiknya, sebanyak 94.6 peratus remaja Melayu mempunyai tahap pendidikan sivik yang tinggi manakala sebanyak 83.7 peratus remaja Cina yang mempunyai tahap pendidikan sivik yang tinggi. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat mana-mana remaja samada Melayu ataupun Cina yang berada pada tahap pendidikan sivik yang rendah. Walaupun terdapat sebilangan kecil daripada jumlah keseluruhan responden yang berada pada tahap pendidikan sivik yang sederhana khususnya remaja Cina iaitu sebanyak 16.3 peratus, akan tetapi dapat dinyatakan bahawa pendekatan pemupukan pendidikan sivik di Malaysia adalah efektif dan telah berjaya mencapai sebahagian besar matlamat yang telah disasarkan. Satu faktor utama kenapa data menjelaskan sedemikian adalah kerana responden yang diambil merupakan kumpulan remaja yang sedang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi. Kumpulan ini merupakan kelompok remaja yang mendapat pendidikan sempurna dan pastinya mendapat pendedahan terhadap elemen pendidikan sivik secara berterusan. Ditambah pula dengan pengalaman interaksi sosial rentas etnik yang lalui dalam kehidupan seharian sebagai warga kampus pastinya memperkukuhkan lagi elemen civility dalam diri mereka. Oleh itu tidak hairanlah mengapa tahap pendidikan sivik responden berada pada tahap yang cukup memberangsangkan.

Jadual 1: Tahap Pendidikan Sivik secara Keseluruhan

Remaja	Tahap	Etnik	
		Melayu (%)	Cina (%)
Keseluruhan Responden	Rendah	0	0
	Sederhana	5.4	16.3
	Tinggi	94.6	83.7
Jumlah		100	100

Dapatan ini menyokong dapatan kajian Tor (2009) yang menunjukkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia berjaya memupuk pendidikan sivik dengan berkesan. Sistem pendidikan ini menggunakan model yang memberikan penekanan serta pemupukan terhadap norma-norma asas dan nilai-nilai masyarakat setempat yang dapat mengikat setiap individu (Barone, 2002). Ini bermakna bahawa pendekatan pendidikan sivik di Malaysia telah berjaya mengadun nilai-nilai masyarakat ke dalam diri sebahagian besar golongan remaja tanpa mengira perbezaan etnik ke arah menjadi individu yang bertanggungjawab, bersikap lebih terbuka dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mempunyai kepentingan awam. Perkembangan ini secara idealnya cukup positif dalam merealisasikan pembentukan sebuah negara-bangsa Malaysia yang bersatu-padu sepertimana yang disarankan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui Wawasan 2020.

Selain dari itu, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan di antara tahap pendidikan sivik di antara remaja yang mengikuti PLKN dengan remaja yang tidak mengikuti PLKN. Keadaan ini dapat dilihat melalui Jadual 2, di mana data menunjukkan bahawa lebih daripada 94% responden Melayu mempunyai tahap pendidikan sivik yang tinggi samada bagi kumpulan yang telah menyertai PLKN ataupun tidak. Begitu juga dengan tahap pendidikan sivik remaja Cina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara di antara kumpulan remaja yang mengikuti PLKN dengan remaja yang tidak mengikuti PLKN. Malah, apa yang lebih menarik kumpulan remaja Cina yang tidak mengikuti PLKN mempunyai tahap pendidikan sivik yang sedikit lebih tinggi iaitu sekitar 87 peratus berbanding dengan kumpulan remaja Cina yang telah mengikuti PLKN iaitu sebanyak 80 peratus. Keadaan ini menjelaskan bahawa PLKN tidak memberikan sumbangan besar dalam pengukuhan pendidikan sivik di kalangan remaja. Dengan kata lain, PLKN tidak boleh diklasifikasikan sebagai program pengembangan pendidikan sivik walaupun pelaksanaannya dilihat memberikan penekanan kepada sebahagian besar daripada elemen-elemen civility. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Mohd. Ainuddin et. al (2006) mendapati bahawa nilai-nilai kenegaraan seperti nilai patriotisme, nilai perpaduan, nilai keprihatinan dan nilai kesukarelaan para pelatih PLKN berada pada tahap yang cukup baik. Sedangkan nilai-nilai tersebut terkandung sebagai nilai-nilai civility yang menjadi keutamaan kepada pendidikan sivik. Atau mungkin kerana pendekatan dan modul yang digunakan dalam latihan PLKN lebih bersifat umum tanpa mengambil-kira spesifikasi elemen pendidikan sivik yang sepatutnya diberikan penekanan. Oleh yang demikian, adalah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa bagi tujuan memberi pendedahan pendidikan sivik kepada remaja, mereka tidak perlu mengikuti PLKN, malah sudah memadai sekiranya mengikuti pendidikan formal secara berterusan sahaja.

Jadual 2: Tahap Pendidikan Sivik Remaja Mengikut Etnik

Remaja	Tahap	Etnik	
		Melayu (%)	Cina (%)
Alumni PLKN	Rendah	0	0
	Sederhana	5.2	19.6
	Tinggi	94.8	80.4
Jumlah		100	100

Tidak Mengikuti PLKN	Rendah	0	0
	Sederhana	5.6	13.3
	Tinggi	94.4	86.7
Jumlah		100	100

Gambaran yang lebih terperinci tentang tahap dan pola pendidikan sivik remaja dapat dilihat melalui tiga dimensi khusus pendidikan sivik iaitu pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik.

Tahap Pengetahuan Sivik

Pengetahuan sivik merupakan pengetahuan asas seseorang individu terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal politik, kerajaan, pentadbiran dan negara. Dalam menentukan tahap pengetahuan sivik golongan remaja yang dikaji, terdapat tujuh sub-dimensi pengetahuan telah diukur iaitu; (i) pengetahuan tentang sejarah negara; (ii) pengetahuan tentang sistem kerajaan dan pentadbiran negara; (iii) pengetahuan tentang identiti nasional; (iv) pengetahuan tentang hal-ehwal perlembagaan persekutuan dan undang-undang negara; (v) perkembangan isu semasa yang berlaku di dalam negara; (vi) pengetahuan tentang prinsip asas demokrasi; dan (vii) pengetahuan tentang hubungan antarabangsa. Skala pengukuran yang digunakan dalam bahagian ini berbentuk skala nominal di mana hanya dua kategori sahaja yang diwujudkan iaitu samada responden “tahu” atau “tidak tahu”. Dengan mengaplikasikan bentuk kategori ini, ia dilihat sebagai satu mekanisme yang lebih tepat dan berkesan untuk mengukur tahap pengetahuan seseorang responden.

Dalam usaha untuk menganalisis tahap pengetahuan sivik responden, satu skala pengukuran telah dibentuk dari tahap tinggi sehinggalah ke tahap rendah. Dengan menggunakan skala pengukuran sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah, tahap pengetahuan sivik responden dikategorikan kepada empat tahap iaitu tahap pengetahuan tinggi, sederhana tinggi, sederhana rendah dan rendah seperti berikut;

Jadual 3: Skala Analisa Tahap Pengetahuan Sivik

Tahap Pengetahuan	Peratus Kategori
Tinggi	76 - 100
Sederhana Tinggi	51 – 75
Sederhana Rendah	26 – 50
Rendah	0 – 25

Secara umumnya, tahap pengetahuan sivik golongan remaja Melayu dan Cina yang di kaji adalah tinggi. Perkembangan ini dapat dijelaskan melalui Jadual 4 di mana secara puratanya tahap pengetahuan sivik remaja tentang perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal kerajaan dan pentadbiran, identiti nasional, perlembagaan persekutuan, prinsip demokrasi dan hubungan antarabangsa adalah tinggi iaitu melebihi 80 peratus. Sementara itu tahap pengetahuan responden terhadap perkembangan sejarah negara dan perkembangan isu semasa adalah sederhana tinggi di antara 58 peratus hingga 72 peratus.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Sivik Remaja

Sub-Dimensi	Bil.	Perkara	Tahu (%)	Tidak Tahu (%)
Sejarah Negara	1.	Darurat berkaitan Parti Komunis Malaya	75.2	24.8
	2.	Tok Janggut	95.4	4.6
	3.	Penubuhan Malaysia	31.6	68.4
	4.	Perdana Menteri ke-3	32.5	67.5
Kerajaan & Pentadbiran	5.	Demokrasi Berparlimen	95.8	4.2
	6.	Badan penggubal dasar-dasar negara	80.3	19.7
	7.	Komponen utama Badan Pemerintahan	88.6	11.4
	8.	Keanggotaan Parlimen Perdana Menteri	62.6	37.4
Identiti Nasional	9.	Prinsip ke-3 Rukun Negara	89.6	10.4
	10.	Bahasa Malaysia Bahasa Kebangsaan	95.4	4.6
	11.	Warna merah bendera Malaysia	80.7	19.3
	12.	Moto Jata Negara	85.2	14.8
Perlembagaan Persekutuan	13.	Malaysia negara Islam	85.4	14.6
	14.	Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera	92.6	7.4
	15.	Pelaksanaan Doktrin Pengasingan Kuasa	77.7	22.3
	16.	Kewarganegaraan Malaysia	84.7	15.3
Isu Semasa	17.	Wawasan 2020	91.2	8.8
	18.	Biro Pengaduan Awam	87.5	12.5
	19.	Dasar Ekonomi Baru	71.9	28.1
	20.	KLCC	38.1	61.9

Prinsip Demokrasi	21.	Sistem demokrasi di Malaysia	83.1	16.9
	22.	Kebebasan diri di Malaysia	92.8	7.2
	23.	Kelayakan mengundi	98.8	1.2
	24.	Pilihanraya Umum	55.7	44.3
Hubungan Antarabangsa	25.	Hubungan Malaysia - Israel	85.8	14.2
	26.	Malaysia - Komanwel	78	22
	27.	Malaysia - Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)	90.3	9.7
	28.	Konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)	89.1	10.9

Pengetahuan responden tentang perkembangan sejarah negara adalah sederhana tinggi. Hal ini dapat dilihat dengan lebih 95% responden mengetahui bahawa Tok Janggut merupakan seorang tokoh pejuang tanah air yang menentang British di Kelantan suatu masa dahulu. Sementara itu, sebanyak 75.2 peratus responden tahu bahawa Malaysia pernah mengisytiharkan darurat selama 12 tahun kerana kekacauan yang dicituskan oleh Parti Komunis Malaysia. Akan tetapi, agak mendukacitakan apabila ramai responden yang tidak tahu perihal tarikh penubuhan Malaysia sedangkan ia merupakan satu tarikh penting peristiwa bersejarah negara. Hanya 31.6 peratus responden sahaja yang peka terhadap perkara ini. Begitu juga amat mengecewakan apabila kebanyakan responden tidak prihatin tentang pemimpin tertinggi negara. Hanya sekitar 32.5 peratus responden sahaja yang mengetahui bahawa Tun Hussein Onn adalah Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Keadaan ini telah meletakkan tahap pengetahuan sivik remaja khususnya berkaitan dengan perkembangan sejarah negara hanyalah pada tahap yang memuaskan sahaja.

Di samping itu, pengetahuan responden tentang hal-ehwal kerajaan dan pentadbiran negara adalah tinggi. Perkara ini terbukti dengan lebih daripada 95 peratus responden mengetahui bahawa sistem pemerintahan yang dilaksanakan di Malaysia adalah berteraskan sistem demokrasi berparlimen. Mereka juga sedia maklum bahawa Kabinet merupakan institusi yang bertanggungjawab menggubal dasar-dasar pemerintahan negara iaitu sebanyak 80.3 peratus responden yang mengetahui tentang perkara ini. Manakala sebanyak 88.6 peratus responden mengetahui tentang komponen utama badan pemerintahan negara yang terdiri daripada Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman. Sebaliknya pengetahuan responden tentang keanggotaan Parlimen Perdana Menteri hanyalah pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 62.6 peratus sahaja. Walaupun pengetahuan mereka tentang keanggotaan Parlimen hanya sekadar sederhana tinggi, tetapi secara keseluruhan pengetahuan responden tentang hal-ehwal kerajaan dan pentadbiran negara amat membanggakan.

Pengetahuan responden tentang pembentukan identiti nasional adalah tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 90 peratus responden mengetahui tentang Rukun Negara dan mencecah 95.4 peratus responden mengetahui bahawa Bahasa Malaysia ialah bahasa kebangsaan sepertimana yang termaktub dalam

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Dalam pada itu sebanyak 80.7 peratus responden mengetahui perihal bendera Malaysia, sementara sebanyak 85.2 peratus responden mengetahui tentang moto yang tertulis pada Jata Negara. Bagi pengkaji, walaupun tahap pengetahuan responden terhadap pembentukan identiti nasional adalah tinggi tetapi perkembangan ini sebenarnya agak mendukacitakan khususnya bagi perkara yang berkaitan dengan Rukun Negara dan Bahasa Malaysia. Sepatutnya tahap pengetahuan responden terhadap perkara ini mesti mencecah 100 peratus memandangkan kedua-dua perkara asas ini menjadi intipati penting kepada pembentukan identiti bangsa Malaysia. Perkembangan ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden yang tidak prihatin terhadap jati diri sebangsa sepertimana yang sering dilaung-laungkan oleh pihak pemerintah. Sekiranya diperincikan dengan lebih halus lagi, kajian mendapati sebahagian kecil daripada responden Cina yang menunjukkan sikap kurang prihatin terhadap asas Rukun Negara dan kepentingan Bahasa Malaysia. Sebagai contoh, mereka meletakkan bahasa kumpulan etnik mereka lebih utama berbanding Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Perkembangan inilah yang sedikit sebanyak telah menjejaskan pengetahuan dan pemahaman tentang pembentukan identiti nasional.

Selain itu, pengetahuan responden tentang Perlembagaan Persekutuan adalah tinggi. Ini terbukti dengan lebih 85 peratus responden sedia maklum bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam sepertimana yang termaktub dalam perkara ketiga Perlembagaan Persekutuan. Sebanyak 92.6 peratus responden pula mengetahui bahawa pemerintah tertinggi bagi Angkatan Tentera Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong sepertimana yang termaktub dalam perkara 41. Pengetahuan tentang pelaksanaan Doktrin Pengasingan Kuasa yang membahagikan kuasa di antara Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman adalah sebanyak 77.7 peratus responden. Manakala hampir mencecah 85 peratus responden yang mengetahui tentang syarat asas kewarganegaraan Malaysia yang boleh diperolehi dengan cara kuatkuasa undang-undang, pendaftaran, masukan dan percantuman wilayah.

Dalam pada itu, pengetahuan responden tentang perkembangan isu semasa yang berlaku dalam negara adalah pada tahap sederhana tinggi. Secara spesifiknya, 91.2 peratus responden mengetahui bahawa Wawasan 2020 merupakan satu gagasan negara yang diusulkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri. Sebanyak 87.5 peratus responden pula sedia maklum bahawa orang ramai boleh melaporkan penyelewengan dan salah guna kuasa anggota perkhidmatan awam kepada Biro Pengaduan Awam. Selanjutnya, sebanyak 71.9 peratus responden tahu bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Akan tetapi, sebanyak 61.9 peratus responden tidak mengikuti perkembangan bahawa KLCC kini merupakan bangunan berkembar kedua tertinggi di dunia dan bukannya yang paling tinggi. Hanya 38.1 peratus sahaja yang mengikuti perkembangan tersebut. Keadaan ini telah meletakkan tahap pengetahuan sivik responden terhadap perkembangan isu semasa hanya pada tahap sederhana tinggi sahaja.

Data kajian juga menunjukkan bahawa pengetahuan responden tentang prinsip-prinsip demokrasi adalah tinggi. Sebanyak 83.1 peratus responden menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang pelaksanaan sistem demokrasi di Malaysia. Para responden mengetahui bahawa pelaksanaan sistem demokrasi di Malaysia telah memberikan kebebasan untuk rakyat bersuara, kebebasan untuk bergerak, berhimpun dan menubuhkan persatuan. Kebebasan ini termaktub dengan jelasnya dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, sebanyak 92.8 peratus responden tahu bahawa setiap individu di Malaysia mempunyai kebebasan diri. Sepertimana yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan, tiada sesiapa pun yang boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang. Berkaitan kelayakan mengundi, sebanyak 98.8 peratus responden mengetahui bahawa setiap warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas adalah layak untuk mengundi samada untuk memilih ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Undangan Negeri. Akan tetapi, sebanyak 44.3 peratus responden tidak tahu yang pilihan raya umum diadakan setiap lima tahun sekali adalah untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri. Perkara ini menjejaskan sedikit pengetahuan sivik responden terhadap prinsip asas demokrasi.

Pengetahuan responden tentang perkara-perkara yang melibatkan hubungan Malaysia di peringkat antarabangsa adalah tinggi. Keadaan ini dapat dijelaskan dengan 85.8 peratus responden yang dikaji mengetahui bahawa Malaysia tidak menjalankan hubungan diplomatik dengan negara Israel kerana faktor pencerobohan ke atas kedaulatan negara Palestin. Manakala, sebanyak 78 peratus responden yang menunjukkan mereka sedia maklum bahawa Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Komanwel kerana negara pernah dijajah oleh British. Sementara itu, sebanyak 90.3 peratus responden yang mengetahui tentang penyertaan Malaysia ke dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) atas dasar memperakui semua bangsa dan negara. Sebanyak 89.1 peratus responden pula mengetahui bahawa penubuhan Konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di bawah ASEAN adalah melalui Deklarasi Kuala Lumpur. Pengetahuan yang baik tentang perihal Malaysia di peringkat antarabangsa ini menjelaskan bahawa golongan remaja bukan sahaja peka terhadap perkembangan politik yang berlaku dalam negara, malah mereka mempunyai pendedahan yang baik terhadap perkembangan politik global, hubungan dua-hala dan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa. Keadaan ini adalah satu perkembangan yang cukup positif kepada negara memandangkan golongan remaja merupakan nadi penggerak masa hadapan negara.

Dari dapatan ini juga kita dapat lihat bahawa pola pengetahuan sivik responden telah terbina atau berjaya dipupuk dalam diri mereka. Perkara ini dapat dilihat di mana daripada tujuh sub-dimensi yang diukur, sebanyak lima sub-dimensi berada pada tahap yang tinggi sementara hanya dua sub-dimensi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu bagi sub-dimensi pengetahuan tentang sejarah negara dan perkembangan isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara. Pola ini menjelaskan bahawa pengetahuan responden masih lagi terbatas terhadap perkara-

perkara yang melibatkan fakta sejarah. Hal ini mungkin kerana terdapat segelintir responden yang menghadapi kesukaran dalam mengingati fakta-fakta penting yang berlaku dalam negara walaupun fakta-fakta yang ditanya merupakan asas tentang perkembangan sejarah negara. Begitu juga terdapat segelintir responden yang kurang prihatin dan tidak ambil kisah tentang perkembangan kontemporari yang berlaku di dalam negara. Tidak dinafikan, skop dan prospek isu-isu semasa ini terlalu luas menyebabkan sebahagian kecil responden terlepas pandang terhadap perkembangan ini. Begitu juga isu-isu semasa ini tidak terkandung dalam buku-buku teks yang memberikan penekanan kepada pendidikan sivik. Berbeza dengan perkara-perkara yang ditekankan dalam sub-dimensi pengetahuan tentang sistem kerajaan dan pentadbiran negara, identiti nasional, perlembagaan persekutuan, prinsip asas demokrasi dan hubungan antarabangsa di mana kesemua perkara ini terkandung dalam buku-buku teks seperti Pengajian Am, Pengajian Malaysia dan Kenegaraan Malaysia. Oleh itu, mereka akan lebih terdedah kepada perkara-perkara tersebut yang mendorong kepada peningkatan tahap pengetahuan sivik.

Sehubungan dengan itu, dapat dinyatakan bahawa pengetahuan sivik remaja yang dikaji mengenai perkara-perkara yang melibatkan politik dan pentadbiran, demokrasi serta hubungan antarabangsa adalah baik. Ini bermakna pengetahuan remaja Malaysia tentang literasi politik berada pada tahap yang cukup memberangsangkan. Secara saintifiknya, kajian ini mendapati bahawa melalui pendekatan program pendidikan sivik yang telah dilaksanakan membolehkan remaja Malaysia mempunyai orientasi kognitif yang baik iaitu pengetahuan individu di dalam masyarakat tersebut terhadap sistem politik negaranya, peranan yang seharusnya dimainkan serta input atau output yang diperoleh dari sistem politik itu. Senario ini menggambarkan bahawa golongan remaja mengetahui kepentingan mereka sebagai individu dan sebagai ahli masyarakat (Brahm, 2006). Keadaan ini juga akan mendorong golongan remaja untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan (Barone, 2002; Brahm, 2006).

Tahap pengetahuan sivik responden yang tinggi ini adalah hasil keberkesanan sistem pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia. Secara khususnya ia adalah kejayaan program pendidikan sivik yang dilaksanakan semenjak pengenalan sistem pendidikan moden di Malaysia. Sejak di bangku sekolah rendah lagi para pelajar didedahkan dengan subjek pendidikan sivik dan kewarganegaraan. Penekanan pendidikan sivik secara konsisten ini dilihat menjadi pemangkin kepada pembentukan pengetahuan am atau pengetahuan sivik yang baik dalam kalangan remaja Malaysia. Di samping itu, perlu diingatkan bahawa para responden adalah dari kalangan mahasiswa yang sedang menuntut di Universiti Putra Malaysia. Mereka diwajibkan mengambil dan lulus kursus-kursus seperti Kenegaraan Malaysia dan Hubungan Etnik sebagai prasyarat untuk bergraduan. Kursus tersebut mendedahkan para pelajar dengan perkembangan sejarah negara, hal ehwal politik, sistem kerajaan dan pentadbiran di Malaysia. Kesemua responden kajian ini telah mengambil kursus tersebut, dan tidak hairanlah mengapa tahap pengetahuan sivik responden secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi.

Tahap Kemahiran Sivik

Kemahiran sivik merupakan satu bentuk kemahiran yang diaplikasikan dari pengetahuan sivik yang ada ke dalam kehidupan sehari-harian khusus dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam menentukan tahap kemahiran sivik responden, sebanyak lapan sub-dimensi kemahiran yang telah diukur iaitu; (i) kemahiran membuat penilaian terhadap sesuatu perkara khususnya yang berkaitan dengan isu politik; (ii) kemahiran menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi; (iii) kemahiran membuat sesuatu keputusan; (iv) kemahiran dalam berurusan dan bekerjasama dengan orang lain; (v) kemahiran mengambil bahagian dan meletakkan diri dalam komuniti; (vi) kemahiran memimpin sesebuah kumpulan; (vii) kemahiran dalam aktiviti kesukarelawanan; dan (viii) kemahiran dalam mempengaruhi orang lain.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran sivik telah terbina dalam diri para responden samada yang telah menjalani PLKN atau sebaliknya. Perkara ini terbukti sepertimana yang dapat dilihat pada Jadual 5 di sebelah. Keadaan ini sememangnya sudah dijangkakan memandangkan tahap pengetahuan sivik responden adalah tinggi yang akan mempengaruhi tahap kemahiran sivik responden. Akan tetapi wujud sedikit perbezaan tahap kemahiran sivik di antara remaja Melayu dengan remaja Cina bagi semua sub-dimensi yang diukur. Tahap kemahiran sivik remaja Melayu adalah lebih baik berbanding dengan remaja Cina tidak kira bagi kumpulan remaja yang telah menyertai PLKN ataupun tidak. Walau bagaimanapun bagi sub-dimensi kemahiran penyertaan dalam komuniti dan kemahiran memimpin kumpulan bagi remaja Melayu yang tidak mengikuti PLKN adalah sedikit lebih rendah berbanding dengan kumpulan remaja Cina yang tidak mengikuti PLKN.

Data juga menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang ketara kemahiran sivik di antara kumpulan remaja yang mengikuti PLKN dengan kumpulan remaja yang tidak mengikuti PLKN tidak kira bagi kumpulan etnik Melayu mahupun Cina. Malah, kemahiran membuat penilaian, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dengan orang lain, kemahiran memimpin kumpulan, kemahiran dalam aktiviti kesukarelawanan dan kemahiran mempengaruhi orang lain bagi kumpulan remaja Cina yang tidak menyertai PLKN adalah lebih baik berbanding dengan kumpulan remaja Cina yang telah menyertai PLKN. Namun begitu, hal ini tidak berlaku bagi kumpulan remaja Melayu di mana tahap kemahiran sivik kumpulan remaja yang telah mengikuti PLKN adalah lebih baik berbanding dengan kumpulan remaja yang tidak mengikuti PLKN kecuali bagi kemahiran menyelesaikan masalah sahaja. Dari dapatan ini pengkaji berpandangan bahawa wujud tahap penerimaan yang berbeza di antara remaja Melayu dengan remaja Cina dari segi kemahiran yang diterapkan dalam latihan PLKN. Dalam pada itu, PLKN sememangnya memberikan penekanan kepada pemupukan kemahiran dalam diri setiap pelatihnya, tetapi ia lebih bersifat kemahiran umum dan tidak secara spesifiknya menerapkan kemahiran sivik walaupun elemen sivik itu jelas menjadi keutamaan.

Jadual 5: Tahap Kemahiran Sivik Remaja

Bil.	Sub-Dimensi	Remaja	Tahap	Etnik	
				Melayu (%)	Cina (%)
1.	Membuat Penilaian	PLKN	Rendah	0	1.1
			Sederhana	13.9	29.3
			Tinggi	86.1	69.6
		XPLKN	Rendah	0.8	1
			Sederhana	13.5	27.6
			Tinggi	85.7	71.4
2.	Penyelesaian Masalah	PLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	15.7	23.9
			Tinggi	84.3	76.1
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	13.5	20.4
			Tinggi	86.5	79.6
3.	Pembuatan Keputusan	PLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	4.3	7.6
			Tinggi	95.7	92.4
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	4.8	10.2
			Tinggi	95.2	89.8
4.	Bekerjasama Dengan Orang Lain	PLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	4.3	8.7
			Tinggi	95.7	91.3
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	4.8	6.1
			Tinggi	95.2	93.9
5.	Penyertaan Komuniti	PLKN	Rendah	1.7	5.4
			Sederhana	46.1	52.2
			Tinggi	52.2	42.4
		XPLKN	Rendah	0.8	2
			Sederhana	69	57.1
			Tinggi	30.2	40.8
6.	Memimpin Kumpulan	PLKN	Rendah	0.9	3.3
			Sederhana	14.8	31.5
			Tinggi	84.3	65.2
		XPLKN	Rendah	0	1
			Sederhana	25.4	22.4
			Tinggi	74.6	76.5

7.	Kesukarelawan	PLKN	Rendah	0	4.3
			Sederhana	11.3	28.3
			Tinggi	88.7	67.4
		XPLKN	Rendah	0	1
			Sederhana	15.1	28.6
			Tinggi	84.9	70.4
8.	Pengaruh	PLKN	Rendah	0.9	3.3
			Sederhana	22.6	34.7
			Tinggi	76.5	62
		XPLKN	Rendah	0	3.1
			Sederhana	32.5	31.6
			Tinggi	67.5	65.3

Kajian ini turut mendapati kemahiran responden dari aspek penglibatan dalam komuniti masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Kedua-dua kumpulan etnik Melayu dan Cina, tidak kira kumpulan yang telah mengikuti PLKN atau tidak menunjukkan mereka kurang mendapat pendedahan tentang aktiviti kemasyarakatan. Dalam hal ini, kumpulan remaja Melayu dan Cina yang telah mengikuti PLKN menunjukkan tahap kemahiran penglibatan dalam masyarakat yang lebih baik berbanding kumpulan remaja Melayu dan Cina yang tidak mengikuti PLKN. Ini kerana, remaja yang telah menyertai PLKN sedikit sebanyak telah didedahkan dengan aktiviti kemasyarakatan melalui modul khidmat komuniti. Modul tersebut mempunyai lima komponen utama iaitu kemudahan awam, kejiranan, khidmat sosial, alam sekitar dan penempatan di jabatan.

Dari dapatan ini juga kita dapat lihat wujudnya pola yang tidak seimbang bagi sub-dimensi yang terpilih-pilih di mana kebanyakan responden tidak kira Melayu ataupun Cina sudah mempunyai kemahiran yang agak baik dalam perkara-perkara pengurusan diri tetapi masih lagi sederhana dalam hal-ehwal yang melibatkan komuniti. Pada masa yang sama, pola kemahiran sivik ini tidak seimbang oleh kerana tahap kemahiran sivik remaja Melayu adalah lebih tinggi berbanding remaja Cina sedangkan mereka melalui sistem dan proses pendidikan yang sama.

Tahap Kecenderungan Sivik

Sebanyak lapan dimensi yang telah digunakan dalam menentukan kecenderungan sivik responden iaitu; (i) pemikiran sivik, kritis dan terbuka; (ii) persamaan hak dan kebebasan asasi; (iii) kehidupan komuniti; (iv) perkongsian nilai kenegaraan; (v) perasaan kebersamaan; (vi) ketabahan, kegigihan dan keberanian; (vii) keprihatinan, kejujuran dan keikhlasan; dan (viii) rundingan dan tolak-ansur.

Sepertimana dapatan yang ditunjukkan dalam bahagian kemahiran sivik, bahagian ini juga menunjukkan tahap kecenderungan sivik para remaja Melayu adalah lebih baik berbanding dengan para remaja Cina sama ada remaja yang telah menjalani PLKN atau tidak. Ini terbukti melalui perbezaan peratusan bagi setiap sub-

dimensi yang telah dinilai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Ini bermakna responden Melayu lebih cenderung memaparkan perwatakan sivik berbanding dengan responden Cina. Akan tetapi, hal ini tidak bermakna responden Cina tidak mempunyai perwatakan sivik, cuma masih terdapat segelintir daripada mereka yang masih belum menunjukkan tahap perwatakan sivik yang tinggi. Sebagai contoh, kecenderungan untuk berfikir secara sivik, kritis dan terbuka, kecenderungan untuk melibatkan diri dalam komuniti, kecenderungan untuk menghayati perasaan kebersamaan dan kecenderungan untuk lebih tabah, gigih dan menunjukkan keberanian dalam hal-hal awam bagi para responden Cina masih lagi ramai dalam kelompok yang sederhana.

Dalam konteks perbezaan kecenderungan sivik di antara kumpulan remaja yang menyertai PLKN dengan kumpulan remaja yang tidak menyertai PLKN pula tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Malah terdapat beberapa sub-dimensi yang menunjukkan kumpulan remaja yang tidak menyertai PLKN adalah sedikit lebih baik berbanding dengan kumpulan remaja yang telah menyertai PLKN. Perkara ini dapat dilihat melalui kecenderungan yang menunjukkan mereka berkongsi nilai-nilai kenegaraan, kecenderungan untuk lebih tabah, gigih dan menunjukkan keberanian dalam hal-hal awam, serta kecenderungan untuk berunding dan bertolak-ansur dalam mencapai persefahaman bagi kepentingan masyarakat. Di sini timbul satu persoalan besar kenapa para responden yang tidak menyertai PLKN adalah lebih baik daripada responden yang telah menyertai PLKN khususnya dalam aspek penghayatan perkongsian nilai-nilai kenegaraan sedangkan melalui latihan PLKN mereka telah dilatih, dipupuk dan difokuskan untuk menghayati nilai-nilai tersebut. Pengkaji tidak boleh menjawab persoalan ini tetapi kemungkinan masih terdapat beberapa kelemahan dalam konteks pelaksanaan modul kenegaraan PLKN.

Jadual 6: Tahap Kecenderungan Sivik Remaja

Bil.	Sub-Dimensi	Remaja	Tahap	Etnik	
				Melayu (%)	Cina (%)
1.	Pemikiran Sivik, Kritis Dan Terbuka	PLKN	Rendah	0	1.1
			Sederhana	6.1	23.9
			Tinggi	93.9	75
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	10.3	15.3
			Tinggi	89.7	84.7
2.	Persamaan Hak Dan Kebebasan Asasi	PLKN	Rendah	0	1
			Sederhana	0.9	3.3
			Tinggi	99.1	95.7
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	3.2	4.1
			Tinggi	96.8	95.9

3.	Kehidupan Komuniti	PLKN	Rendah	0	1.1
			Sederhana	3.5	18.5
			Tinggi	96.5	80.4
		XPLKN	Rendah	0	1.1
			Sederhana	7.9	22.4
			Tinggi	92.1	76.5
4.	Perkongsian Nilai Kenegaraan	PLKN	Rendah	0	1
			Sederhana	3.5	12
			Tinggi	96.5	87
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	2.4	12.2
			Tinggi	97.6	87.8
5.	Perasaan Kebersamaan	PLKN	Rendah	0	2.2
			Sederhana	9.6	21.7
			Tinggi	90.4	76.1
		XPLKN	Rendah	0	1
			Sederhana	15.1	20.4
			Tinggi	84.9	78.6
6.	Ketabahan, Kegigihan Dan Keberanian	PLKN	Rendah	0	1
			Sederhana	9.6	20.7
			Tinggi	90.4	78.3
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	7.1	15.3
			Tinggi	92.9	84.7
7.	Keprihatinan, Kejujuran Dan Keikhlasan	PLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	7	12
			Tinggi	93	88
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	11.9	17.3
			Tinggi	88.1	82.7
8.	Rundingan Dan Tolak-Ansur	PLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	5.2	13
			Tinggi	94.8	87
		XPLKN	Rendah	0	0
			Sederhana	3.2	10.2
			Tinggi	96.8	89.8

Di samping itu, kajian ini turut mendapati bahawa pola kecenderungan sivik (perwatakan sivik) telah terbina dalam diri para remaja Malaysia. Antara faktor utama yang dilihat mempengaruhi pembentukan perwatakan sivik ini ialah kerana para responden telah mempunyai tahap pengetahuan sivik yang tinggi. Dapatan ini menyokong pandangan Branson (1998), Galston (2004), Finkel dan Ernst (2005) dan Tor (2009) yang menekankan bahawa pengetahuan sivik akan mempengaruhi

kemahiran sivik dan kecenderungan sivik individu khususnya dalam menjalani kehidupan sehari-harian. Malah, apa yang lebih ketara, secara keseluruhannya kajian ini mendapati tahap kecenderungan sivik remaja Melayu dan Cina sama ada bagi kumpulan yang telah menjalani PLKN atau tidak adalah lebih baik daripada tahap kemahiran sivik mereka. Ini membawa makna bahawa program pendidikan sivik di Malaysia lebih berjaya dalam membina perwatakan sivik berbanding dengan kemahiran sivik. Di samping itu, perkembangan ini juga menggambarkan bahawa golongan remaja di Malaysia (khusus kepada kumpulan remaja yang sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi) telah mempunyai orientasi afektif yang baik iaitu perasaan yang di alami sendiri oleh individu terhadap sistem politik masyarakatnya, termasuk perasaan dan pengalaman mereka terhadap peranan sistem politik yang di amalkan. Keadaan ini juga menjelaskan yang mereka mampu untuk menyeimbangkan antara kepentingan peribadi dan kepentingan awam (Tor, 2009).

Manifestasi Pendidikan Sivik

Daripada apa yang telah dibincangkan berdasarkan kepada dapatan kajian, program pendidikan sivik dalam kalangan remaja di Malaysia masih lagi berada di peringkat pertengahan yang lebih menumpukan perhatian kepada perkembangan semangat patriotisme dan peningkatan kesetiaan kepada negara melalui kesedaran sivik yang tinggi sepertimana yang diketengahkan oleh Merriam (1931) dan Janowitz (1983). Perkara ini telah disentuh oleh Barone (2002) yang menyatakan bahawa pendekatan pendidikan sivik di Malaysia lebih menekankan kepada pemupukan nilai dan norma-norma masyarakat, pendidikan agama dan moral berbanding dengan peluang yang diberikan untuk para pelajar mempraktik demokrasi, membincangkan dasar kerajaan dan melihat peranan demokrasi. Ini bermakna, penekanan pendidikan sivik di Malaysia masih belum menjurus sepenuhnya kepada perkembangan demokrasi iaitu pendidikan demokrasi dan kewarganegaraan demokratik sepertimana yang dikatakan oleh sarjana-sarjana seperti Diamond (1995), Carothers (1997), Quigley (1999), Branson (1998), Print (1999), Bratton et al. (1999), Finkel, Sabatini dan Bevis (2000), Finkel (2002) dan Brahm (2006). Penekanan kepada pendidikan sivik yang bersifat pendidikan demokrasi dan masyarakat sivil ini lebih terpusat di negara-negara Barat dan masih di peringkat awal di Malaysia. Perkara ini turut mendapat perhatian Print (1999) yang menegaskan bahawa bagi kebanyakan negara di rantau Asia-Pasifik, masih banyak perkara yang perlu diberi perhatian sebelum mencapai demokrasi dan masyarakat sivil, khususnya kesedaran tentang keperluan pendidikan sivik dalam memainkan peranan membangunkan kewarganegaraan demokratik dan peningkatan masyarakat sivil.

Selain itu, pendidikan sivik acaun Malaysia telah berjaya membangunkan golongan remaja yang mempunyai sifat civility. Ini terbukti, di mana tahap pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik remaja yang dikaji rata-ratanya berapa pada tahap yang tinggi. Kejayaan ini adalah hasil keberkesanan sistem pendidikan negara. Penekanan kepada kurikulum dan elemen pendidikan sivik dalam sistem pendidikan negara menunjukkan wujud kesinambungan dari

pendidikan peringkat rendah, menengah sehinggalah ke peringkat institut pengajian tinggi. Perkembangan ini juga mendorong kepada pembangunan literasi politik yang sempurna dalam kalangan remaja. Dengan kata lain, pendidikan sivik telah berjaya meningkatkan pengetahuan sivik setiap warganegara Malaysia. Dapatan ini juga menyokong dapatan Niemi dan Junn (1998) serta Finkel dan Ernst (2005) yang mendapati bahawa pendidikan sivik mempunyai kesan yang cukup besar terhadap pengetahuan politik.

Dalam pada itu, pengkaji berpandangan bahawa fokus kumpulan pelatih yang diwajibkan menjalani PLKN perlu diubah dan diberi perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab. Kumpulan pelatih Siri Pertama PLKN bagi setiap tahun perlu dikurangkan dan kumpulan pelatih Siri Kedua dan Ketiga perlu ditambah dan diperbesarkan. Hal ini kerana, kajian ini yang mengambil responden dari kalangan remaja yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi mendapati bahawa mereka telah mendapat pendidikan sivik yang baik melalui sosialisasi pendidikan yang dilalui oleh mereka. Oleh sebab itu, tidak wujud perbezaan yang ketara tahap pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik remaja Melayu dan Cina yang telah menyertai PLKN dengan kumpulan yang tidak menyertai PLKN. Malah, dalam beberapa sub-dimensi tertentu menunjukkan tahap pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik kumpulan remaja yang tidak menyertai PLKN adalah lebih baik dari kumpulan yang telah menyertai PLKN. Adalah lebih baik sekiranya PLKN menumpukan perhatian kepada kumpulan remaja yang tercicir dari mendapat pendidikan yang lebih baik.

Kajian ini juga mendapati bahawa tahap penerimaan pendidikan sivik remaja Melayu adalah lebih baik sekiranya dibandingkan dengan penerimaan remaja Cina. Ini dapat dilihat dalam ketiga-tiga dimensi yang diukur – pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik. Antara faktor utama yang perlu diteliti semula ialah sistem penyampaian dan kaedah pembelajaran. Dalam konteks sistem pendidikan formal, peranan guru-guru dalam menyampaikan pendidikan sivik perlu ditingkatkan seperti mempelbagaikan kaedah pengajaran dan memperbanyakkan aktiviti khidmat masyarakat. Manakala bagi PLKN, pelaksanaan dan sistem penyampaian modul perlu diberikan perhatian khusus. Begitu juga tahap kemesraan di antara jurulatih dengan para pelatih perlu ditingkatkan khususnya dalam kalangan pelatih kumpulan etnik Cina agar mereka lebih terbuka dan lebih mudah untuk menerima setiap bentuk pengajaran yang ingin disampaikan.

Di samping itu, berdasarkan kepada dapatan kajian dan penelitian terhadap PLKN, pengkaji dapati PLKN adalah sebahagian daripada program yang mengandungi elemen pendidikan sivik. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui objektif dan keempat-empat modul PLKN. Apa yang lebih penting ialah matlamat akhir adalah ke arah pembentukan sebuah negara-bangsa yang bersatu-padu. Gagasan pelaksanaan PLKN mempunyai intipati yang jelas di mana menurut Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (semasa memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri), PLKN adalah satu alat untuk pembinaan bangsa yang mana

matlamat akhirnya ialah pembentukan sebuah 'Bangsa Malaysia' (Jayasankaran 2004). Kombinasi pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan kecenderungan sivik akan membantu dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu.

KESIMPULAN

Dalam konteks masyarakat berbilang etnik seperti Malaysia, usaha ke arah terus memperkasakan pendidikan sivik amat diperlukan bagi mencapai perpaduan secara umumnya dan pembangunan golongan remaja secara khususnya. Hal ini kerana persoalan sivik bukanlah satu perkara yang kecil, tetapi ia melibatkan persoalan pokok yang menjadi teras kepada pembentukan jati diri anak bangsa dan pendedahan kepada pendemokrasian. Dalam pada itu, pendidikan sivik menjadi penting memandangkan ia membangunkan pengetahuan politik, meningkatkan kemahiran intelektual dan penglibatan masyarakat serta mempengaruhi pembentukan watak individu yang bersifat civility. Pendekatan ini juga penting ke arah merealisasikan pembentukan sebuah negara-bangsa Malaysia. Di samping itu, pelaksanaan PLKN sebenarnya boleh meningkatkan lagi tahap pendidikan sivik remaja tetapi tumpuan harus diberikan kepada kelompok yang tercicir dari mendapat pendidikan lanjut. Kumpulan sasar remaja yang diwajibkan mengikuti PLKN perlu dikaji dan dikemaskini semula. Ini kerana kumpulan remaja yang mendapat pendidikan yang sempurna hingga ke institut pengajian tinggi akan mendapat pendedahan kepada pendidikan sivik yang lebih baik.

RUJUKAN

- Antal, C., dan Easton, P. 2009. Indigenizing civic education in Africa: Experience in Madagascar and the Sahel. *International Journal of Educational Development*, 29, 599-611.
- Barone, T. N. 2002. *Civic education and citizenship in Malaysia education*. Paper presented at the American Educational Research Association Conference, New Orleans, Los Angeles.
- Brahm, Eric. 2006. Civic education. Dlm. Guy Burgess dan Heidi Burgess (eds.) *Beyond Intractability*. Conflict Research Consortium, Boulder: University of Colorado.
- Branson, M. S. 1998. *The role of civic education*. A Forthcoming Education Policy Task Force Position Paper from the Communitarian Network. Washington, DC: Center for Civic Education.
- Branson, M. S. Dan Quigley, C. N. 1998. *The role of civic education*. Retrieved from: <http://aladinrc.wrlc.org/bitstream/1961/581/1/branson-role-199809.pdf>.

- Bratton, M., Alderfer, P., Bowser, G., dan Tamba, J. 1999. The effects of civic education on political culture: evidence from Zambia. *World Development*, 27. 807-824.
- Carothers, T. 1997. Democracy assistance: the question of strategy. *Democratization*, 4. 109-132.
- Churchill, G. A. 1995. *Marketing research methodological foundation* (6th ed.) Orlando, Florida: The Dryden Press.
- Claes, E., Hooghe, M., et al. 2009. The political socialization of adolescents in Canada: Differential effects of civic education on visible minorities. *Canadian Journal of Political Science*, 42, 613-636.
- Cogan, J. J. 2000. Citizenship education for the 21st century: Setting the context. Dlm. Cogan, J. J. dan Derricott, R. *Citizenship for the 21st century: An international perspective on education*. London: Kogan Page.
- Comber, M. K. 2005. *Civic skills and civic education: An empirical assessment*. Unpublished doctoral thesis. Faculty of the Graduate School of the University of Maryland, College Park.
- Cunningham, A. 2009. *Civic dispositions*. University of Louisville: Center for Civic Education and Engagement.
- Diamond, L. 1995. Promoting democracy in the 1990s: Actors and instruments, issues and imperatives. New York: Carnegie Corporation of New York.
- Etzioni, A. 2011. Citizenship in a communitarian perspective. *Ethnicities*. II (3). 336-349.
- Fairbrother, G. P. 2002. *Political socialization and critical thinking: Their influence on Hong Kong and mainland Chinese university students' attitudes toward the nation*. Unpublished doctoral thesis. University of Hong Kong.
- Finkel, S. E. 2002. Civic education and the mobilization of political participation in developing democracies. *The Journal of Politics*, Vol. 64, No. 4, 994-1020.
- Finkel, S. E. dan Ernst, H. R. 2005. Civic education in post-apartheid South Africa: Alternative paths to the development of political knowledge and democratic values. *Political Psychology*, Vol. 26, No. 3. 333-364.
- Finkel, S. E., Sabatini C. A. dan Bevis G. G. 2000. Civic education, civil society, and political mistrust in a developing democracy: The case of the Dominican Republic. *World Development*, Vol. 28, No. 11. 1851-874.

- Galston, W. A. 2001. Political knowledge, political engagement, and civic education. *Annual Review of Political Science*, 4, 217-234.
- _____. 2004. Civic education and political participation. *Political Science and Politics*, 37, 263-266.
- Geertz, Clifford. 1973. *The interpretation of cultures*. New York: Basic Books.
- Gutmann, A. 1987. *Democratic education*. Princeton: Princeton University Press.
- _____. 1995. Civic education and social diversity. *Ethics*, 105, 557-579.
- Hahn, Carole I. 2010. Comparative civic education research: What we know and what we need to know. *Citizenship Teaching and Learning*. Vol. 6, No. 1. 5-23.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Hart, D., Donnelly, T. M., Youniss, J., dan Atkins, R. 2007. High school predictors of adult civic engagement: The roles of volunteering, civic knowledge, extracurricular activities, and attitudes. *American Educational Research Journal*, 44. 197-219.
- Ichilov, O. 2003. Education and citizenship in a changing world. Dlm. D. Sears, L. Huddy dan R. Jarvis (eds.), *Oxford Handbook of political psychology*, Oxford: Oxford University Press.
- Janowitz, M. 1983. *The Reconstruction of Patriotism: Education for Civic Consciousness*. Chicago: University Of Chicago Press.
- Jayasankaran, S. 2004. Nation-building. *Far Eastern Economic Review* 167(5): 20.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Sukatan pelajaran pendidikan sivik dan kewarganegaraan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kidwell, C.F.L., Branson, M., Croddy, M., dan Hale, J. 2008. *Educating for democracy: California campaign for the civic mission of schools, civic education in California: Policy recommendations*. Center for Civic Education.

- Kirlin, M. 2003. *The role of civic skills in fostering civic engagement*. California State University, Sacramento: CIRCLE (The Center for Information and Research on Civic Learning and Engagement).
- Laporan Jawatankuasa Kabinet, Kementerian Pelajaran Malaysia. 1979. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levine, D. H., dan Bishai, L. S. 2010. *Civic education and peacebuilding: Examples from Iraq and Sudan* (Special Report). Washington, DC: United States Institute of Peace.
- McCelland, S. 1994. Training needs assessment data-gathering methods: Part 4, survey questionnaire. *Journal of European Industrial Training*, 18(5), 22-26.
- McLeod, J. M. 2000. Media and civic socialization of youth. *Journal of Adolescent Health*, 27, 45-51.
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Sobhi Ishak dan Malike Brahim. 2006. Laporan Kajian Nilai-nilai Kenegaraan dalam kalangan Pelatih-pelatih Khidmat Negara Siri Empat.
- Niemi, R. G. dan Junn, J. 1998. *Civic Education: What Makes Students Learn*. New Haven and London: Yale University Press.
- Parker, W. C. 2007. *Imagining A Cosmopolitan Curriculum*. A Working Paper Developed For The Washington State Council For The Social Studies. Seattle: University Of Washington.
- Pathmanathan, M. dan Haas, P. 1994. *Civic education: The role of religion*. Petaling Jaya: Centre for Policy Science.
- Pettersson, T. 2003. *Basic values and civic education: A comparative analysis of adolescent orientations towards gender equality and good citizenship*. Research paper, Center for Multiethnic Research, Uppsala University (in collaboration with the "Young Citizens Project", Center for Public Sector Research (CEFOS), Gothenburg University).
- Print, M. 1999. Civic education and civil society in the Asia-Pacific . Dlm. M. Print, J. Ellickson-Brown dan A. Razak Baginda (eds.). *Civic education for civil society*. 9-18. London: ASEAN Academic Press, Ltd.

- Quigley, C. N. 1999. *Civic education: Recent history, current status, and the future*. American Bar Association Symposium “Public Perception and Understanding of the Justice System”. Washington, D.C: Center for Civic Education.
- Quigley, K. F. 1997. Political scientists and assisting democracy: too tenuous links. *Political Science and Politics*, 30. 564-567.
- Robiah Sidin dan Zahara Aziz. 1992. Pendidikan sivik sejak merdeka: Satu penilaian. Dlm. Kamarudin Jaffar dan Hazami Habib (pnyt.). *Isu-isu dalam pendidikan sivik: Ke arah kecemerlangan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Rogers, A.M. 2009. *Becoming more “civic” through the study of local history*. Unpublished doctoral thesis. The Pennsylvania State University: The Graduate School College of Education.
- Saffell, D. C. 1996. *Civics: Responsibilities and citizenship*. New York: Glencoe/McGraw-Hill.
- Sekaran, U. 2000. *Research methods for business: A skill-building approach* (3rd ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Thomas, T. K. C. 2005. Civic and political education. Dlm. M. Bray & R. Koo (eds.), *Education and society in Hong Kong and Macao: Comparative perspectives on continuity and change*. Dordrecht, The Netherlands: Springer.
- Tor, G. H. 2009. *Measuring youth civic development in Malaysia: Conceptualization, instrument development using the Rasch measurement model and substantive outcomes*. Unpublished doctoral thesis. Murdoch University, Perth.
- Torney, J. V., Oppenheim, A. N., Farnen, R. F. 1975. *Civic education in the countries*. Stockholm: Almqvist & Wiksell International.
- Torney-Purta, J. dan Wilkenfeld, B. S. 2009. *Paths to 21st century competencies through civic education classrooms: An analysis of survey results from ninth-graders*. Chicago, IL: American Bar Association Division for Public Education.
- Zikmund, W. G. 2003. *Business research method* (8th ed.). Cincinnati, Ohio: Thomson/South-Western.

Profil Penulis

Mohd. Mahadee Ismail

Pelajar Doktor Falsafah

Institut Kajian Etnik (KITA)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Mansor Mohd Noor, PhD

Profesor

Felo Penyelidik Utama di Institut Kajian Etnik (KITA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43650 UKM, Bangi